# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 22 APRIL 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MALAYSIA TIDAK PERNAH TERPUTUS BEKALAN MAKANAN, MUKA SEPULUH, BH -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 2. | FAMA JANA JUALAN RM65.9 JUTA, BH -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3. | FAMA BANTU PETANI PASARKAN HASIL PRODUK, UTUSAN SARAWAK -ONLINE | |
| 4. | KEKANG LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, SH -ONLINE | |
| 5. | HARUMANIS BELAKANG RUMAH KELUARKAN HASIL LEBIH 200 KILOGRAM KETIKA PKP, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -15 | |
| 6. | FAMA, NEKMAT TAWAR PRODUK DI SHOPEE, BISNES, HM -21 | |
| 7. | HIGHLAND VEGETABLES IN DANGER OF GOING TO WASTE AGAIN, NATION, THE STAR -10 | |
| 8. | FAMA HELPS 1,100 FARMERS TO MARKET TO PREVENT DUMPING, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE | |
| 9. | PUTTING PEOPLE FIRST, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -ONLINE | |
| 10. | CONTROLLED FRESH MARKET OUTLETS TO REMAIN OPEN, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -ONLINE | |
| 11. | (MCO FAMA COVID) A COMPREHENSIVE APPROACH WILL BE TAKEN, BERITA WILAYAH TV1 -ONLINE | |
| 12. | (FAMA MAFI) FAMA ASSISTS 1,120 FARMERS MARKET PRODUCE TO AVOID DUMPING, BERNAMA NEWS CHANNEL -ONLINE | |
| 13. | (FAMA MAFI) FAMA ASSISTS 1,120 FARMERS MARKET PRODUCE TO AVOID DUMPING, BERUTA AL-HIJRAH -ONLINE | |
| 14. | (FAMA MAFI) FAMA ASSISTS 1,120 FARMERS MARKET PRODUCE TO AVOID DUMPING, BERNAMA TV -ONLINE | |
| 15. | (FAMA MCO MOA) FAMA IS COMMITTED TO HELPING FARMERS, BERITA NASIONAL TV1 -ONLINE | |
| 16. | BEKALAN SAYUR-SAYURAN, BUAH-BUAHAN MENCUKUPI DI PERAK - JABATAN PERTANIAN, BERNAMA -ONLINE | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 17. | KERAJAAN BANTU PASARKAN LAMBAKAN HASIL TANI, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 | |
| 18. | DEPT FINDS DEMAND FOR SEAFOOD STILL STRONG DESPITE MCO, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 19. | LIMBAH YANG TIDAK SEKADAR JADI MASALAH, NEWS, HEWD TOPICS -10 | LAIN-LAIN |
| 20. | LET VEHICLES TRANSPORT SEA PRODUCTS AT NIGHT CALL, HOME, BORNEO POST (KK) -5 | |
| 21. | RM553 MLN BOOST FOR SABAH AID PACKAGE, HOME, BORNEO POST (KK) -1 | |
| 22. | PROVIDE SMES WITH POST-COVID-19 AID-SCCC, HOME, BORNEO POST (KK) -2 | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Malaysia tidak pernah terputus bekalan makanan



Dari Kaca Mata

**Datuk Alexander Nanta Linggi**
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

**Dalam** era pasca kemerdekaan, negara tidak pernah terputus bekalan barang keperluan dan makanan. Kalaupun ada, ia terpencil dan tempohnya tidak lama, dapat diatasi dengan segera.

Bagaimanapun, keadaan mungkin berbeza ketika zaman perang dunia atau semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, kerana umum mengetahui kehidupan ketika itu sangat sukar bagi semua orang.

Jadi, memang sukar untuk kita terima dakwaan bahawa Malaysia terputus bekalan makanan hari ini. Tanahnya subur dan luas, hujan serta panas pula seimbang.

Bak kata orang-orang tua, campak batang kayu ubi, boleh makan ubi dan daunnya. Itu hakikat Malaysia negara bertuah ini.

Pelik kenapa rakyat Malaysia boleh menjadi panik apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan dua hari sebelum dikuatkuasakan bulan lalu.

Berbondong-bondong menyerbu pasar raya untuk memborong pelbagai barangan keperluan harian dalam jumlah lebih banyak daripada biasa. Tidak keterlaluan dikatakan, tindakan mereka seolah-olah seperti tidak ada esok lagi.

Kurang faham mengenai PKP pada peringkat awal, selain mempercayai pelbagai khabar angin atau berita palsu di media sosial membuatkan mereka menjadi takut bekalan makanan habis.

Perkataan PKP disalah anggap seperti perintah berkurung. Kononnya rakyat terpaksa duduk di rumah dengan segala pergerakan dikawal. Semua kedai dan perniagaan ditutup sepenuhnya dan mereka tidak keluar untuk membeli bekalan barang keperluan.

Sebelum COVID-19, bekalan makanan sentiasa mencukupi. Amat mustahil apabila PKP berkuatkuasa dengan jumlah rakyat sama dan keperluan yang sama, tiba-tiba sahaja bekalan terputus.

Jadi, apa yang berlaku sebenarnya adalah sebahagian rakyat Malaysia cuak dan panik kerana mempunyai persepsi salah mengenai PKP, ditambah pengaruh pelbagai berita tidak sahih di media sosial.

Keadaan itu mendorong pembelian panik. Apabila terlalu ramai membeli barangan keperluan dalam jumlah banyak secara serentak, ia pasti mengganggu rantaian pembekalan untuk seketika.

Bagaimanapun, kita bersyukur fenomena pembelian panik ini reda sehari selepas PKP bermula. Keadaan semakin baik beberapa hari kemudian.

Malah jaminan diberi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) jelas meredakan kegelisahan rakyat.

MOA bertanggungjawab terhadap aktiviti huluan produksi dan pemprosesan bekalan makanan, manakala KPDNHEP pula aktiviti hiliran terutama memastikan bekalan sampai kepada pembeli dan pengguna.

Rantaian bekalan barangan keperluan negara sangat cekap dengan mengambil kira pengeluaran tempatan dan bekalan diimport.

Import makanan pada 2018 berjumlah RM40 bilion setahun. Malaysia mempunyai hubungan baik dengan negara pengeksport bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan negara. Justeru, rakyat Malaysia tidak perlu panik dan takut.

PKP berlangsung lebih empat minggu. Pemantauan penguat kuasa KPDNHEP mendapati bekalan barang keperluan tetap mencukupi di semua pasar raya di seluruh negara.

Menurut MOA, pengeluaran barang makanan di Malaysia seperti ayam dan telur melebihi permintaan dan penggunaan domestik.

Beras, minyak masak, tepung, gula serta barangan basah juga mencukupi. Hanya sedikit laporan mengenai kenaikan harga mendadak diterima KPDNHEP sehingga kini.

Selalunya pengguna dan pembeli keliru apabila melihat rak di pasar raya kosong, lantas cepat membuat kesimpulan bekalan barang habis dan tidak ada di pasaran.

Hakikatnya, stok barang berkenaan kehabisan di pasar raya berkenaan sahaja, bukannya di seluruh negara seperti disangka.

Tidak semua pasar raya mempunyai stor simpanan sama saiznya. Saiz itu membezakan jumlah stok boleh disimpan. Rak jualan akan diisi semula dengan segera jika stok masih berbaki dalam stor.

Setiap pasar raya pula mempunyai sistem pengurusan dan dasar tersendiri untuk tempahan semula. Semuanya tertakluk stok di stor pusat dan mempunyai tempoh penghantaran tertentu sebelum tiba di premis pasar raya itu.

Proses ini menjelaskan keadaan sebenarnya apabila pengguna melihat rak kosong di sesebuah pasar raya. Ia bermakna bukan stok habis di pasaran, sebaliknya pasar raya itu belum menerima stok baharu.

Untuk mengelak salah faham, kita mencadangkan pengurusan pasar raya menulis notis pada rak kosong untuk memaklumkan barangan sedang dipesan dan menyatakan tempoh pengisian semula.

Persepsi salah pengguna timbul apabila pihak pengurusan pasar raya gagal memaklumkan hal ini.

Pelaksanaan langkah 'pembelian terhad' juga perlu dalam keadaan sesuatu barang menjadi popular bagi memberi peluang pengguna lain mendapatkannya. Contohnya jika produk roti terlalu laris, maka setiap pembeli hanya dibenarkan beli satu atau dua buku sahaja.

Sikap segelintir pengguna memilih jenama atau gred tertentu juga menambah kekeliruan mengenai situasi semasa bekalan barangan di pasaran.

Sebagai contoh, mereka hanya mahu roti jenama tertentu dan telur gred tertentu sahaja, lantas membuat kesimpulan barang itu kehabisan stok apabila mendapati ia tiada di sesebuah pasar raya. Sedangkan, banyak lagi roti jenama lain dan telur gred lain di rak berhampiran.

Mahu atau tidak, kita perlu berfikiran positif terutama ketika berhadapan krisis negara seperti PKP bagi membendung penularan COVID-19 di negara yang kita sayangi ini.

Kini kita mula lihat golongan lelaki yang juga ketua keluarga lebih aktif belajar mengenali bahan memasak. Mereka sudah tahu membezakan antara halia, kunyit dan lengkuas. Mereka mengenali antara kunyit hidup dan kunyit serbuk. Sekurang-kurangnya kini golongan lelaki lebih memahami dan menghargai tugas wanita di rumah.

PKP juga mengajar kita merancang perbelanjaan. Beli hanya yang perlu dan jangan membazir. Makan makanan sesuai dan mudah diperoleh, tidak perlu berlebihan sebaliknya amalkan sikap bersederhana. Kita juga belajar menerima kekurangan dan teruskan hidup dengan lebih banyak bersabar.

PKP juga mengajak ramai rakyat termasuk pengguna dan peniaga memanfaatkan e-dagang. Alah bisa tegal biasa. Pesanan dalam talian, 'mobile-apps' (aplikasi telefon) dan khidmat penghantaran menjadi lebih dekat kepada kita.

Lebih ramai rakyat Malaysia sudah celik e-dagang, e-dompet dan e-tunai serta dapat menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan.

PKP juga mengeratkan ikatan kekeluargaan. Larangan keluar rumah pada waktu malam menjadikan ikatan kekeluargaan bertambah kuat. Ramai dapat melakukan perkara yang jarang dilakukan sebelum ini akibat tuntutan kerjaya.

Antaranya makan bersama, membantu anak dalam sesi pembelajaran dalam talian, menonton televisyen dan menghubungi saudara-mara. Malah, ramai memberi tumpuan terhadap aspek keagamaan bersama keluarga.

Apa pun, pengajaran utama daripada COVID-19 yang perlu kita ingat adalah disiplin menjaga kebersihan diri.

Semua lapisan masyarakat perlu peka dan semoga amalan kebersihan diri yang kita amalkan ketika PKP akan berkekalan, seterusnya menjadi budaya hidup kita ke arah Malaysia bersih.



***Orang ramai digesa lebih bijak*** *merancang perbelanjaan dan tidak melakukan pembelian panik ketika tempoh PKP dilaksana ketika ini.*
**(Foto hiasan)**

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 19 PRINTED SIZE: 369.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,219.00 ITEM ID: MY0039464022



21 APR, 2020

# FAMA jana jualan RM65.9 juta

Berita Harian, Malaysia



*Penularan COVID-19*

FAMA jana jualan RM65.9 juta

## Usaha atasi isu lambakan produk tani bagi tempoh 1 hingga 19 April

**Seremban:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya menjana jualan produk pertanian bernilai RM65.9 juta menerusi pusat jualan dan pemasarannya di seluruh negara, bagi tempoh 1 hingga 19 April lalu.

Ia membabitkan jualan RM22.9 juta di 45 Pasar Segar Terkawal (PST) yang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai saluran pemasaran hasil pertanian bagi mengelak berlaku lambakan, selain jualan RM43 juta menerusi 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata terdapat 45 premis FAMA yang beroperasi membabitkan 17 Pusat Operasi FAMA, Pasar Tani Kekal (22) dan masing-masing tiga premis Myfarm serta Pasar Tani Terpilih Terbuka.

"Operasi PST membabitkan 490 usahawan menarik 270,000 pengunjung dengan 37,484 pembelian/penghantaran.




"Sejak pelaksanaan PKP mulai 18 Mac lalu hingga semalam, (Ahad lalu) bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19, FAMA berjaya membantu 1,120 petani dengan kuantiti belian produk sebanyak 4,506 tan bernilai RM6.85 juta.

"Seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA terbabit memastikan bekalan makanan sampai kepada 600,000 pengguna membabitkan 38,091 kaedah perkhidmatan secara penghantaran.

"Semua pusat jualan ini bertujuan memasarkan barangan segar, sayur-sayuran, buah-buahan, ayam dan daging serta barangan keperluan harian lain," katanya selepas melawat PST Pandu Lalu di Pusat Operasi FAMA Negeri Sembilan di Jalan Labu, di sini, semalam.

Ahmad berkata, usaha kerajaan ketika ini untuk meningkatkan dan memperkemaskan lagi aktiviti pemasaran secara dalam talian menerusi Agrobazaar Online bagi membantu petani.

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 19 PRINTED SIZE: 369.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,219.00 ITEM ID: MY0039464022



21 APR, 2020

# FAMA jana jualan RM65.9 juta

Berita Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Penularan COVID-19

Usaha atasi isu lambakan produk tani bagi tempoh 1 hingga 19 April

Seremban: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya menjana jualan produk pertanian bernilai RM65.9 juta menerusi pusat jualan dan pemasarannya di seluruh negara, bagi tempoh 1 hingga 19 April lalu. Ia membabitkan jualan RM22.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 20 PRINTED SIZE: 306.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,851.00 ITEM ID: MY0039467628



21 APR, 2020

# FAMA bantu petani pasarkan hasil produk

Utusan Sarawak, Malaysia



## FAMA bantu petani pasarkan hasil produk




TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) melihat harga ayam telur dan barangan keperluan ketika melawat Pasar Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Jalan Labu, Seremban semalam. Turut hadir Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang RazalLi (kanan) dan Pengarah FAMA Negeri Sembilan Asmizal Jaafar (kiri). • Foto BERNAMA

**SEREMBAN:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu 1,120 petani memasarkan hasil produk mereka sekali gus mengatasi lambakan hasil pertanian sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, hasil produk petani itu dipasarkan melalui 45 outlet Pasar Segar Terkawal (PST); 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR); dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) di seluruh negara dengan nilai belian sebanyak RM6.85 juta.

Beliau berkata, sejumlah 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA pula terlibat dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada 0.6 juta pengguna melibatkan 38,091 kaedah perkhidmatan secara penghantaran.

"Isu lambakan hasil pertanian yang berlaku bagi kes-kes lalu hanyalah kes terpencil dan kita sudah mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu semua petani agar nasib mereka terbela.

"Kami juga mahu pastikan rantaian bekalan makanan tidak terputus sebaliknya ia kekal berterusan untuk pastikan barangan sampai kepada pengguna," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Operasi Fama di sini semalam.

Beliau berkata dalam tempoh 1 April sehingga semalam, PST merekodkan nilai jualan sebanyak RM22.9 juta manakala AKR dan ABR merekodkan nilai jualan sebanyak RM43 juta.

Ahmad berkata, FAMA juga dalam usaha untuk meningkatkan pengedaran pengeluaran makanan secara lebih berkesan sepanjang tempoh PKP ini dan memperkemaskan konsep jualan dalam talian dan luar talian melalui 'Agrobazaar online' dan rangkaian outlet yang terpilih.

"Para petani pula seharusnya menggunakan Pusat Operasi FAMA yang terdapat di seluruh negara untuk mereka berhubung dan menyalurkan sebarang permasalahan berkaitan pemasaran hasil produk mereka," katanya.
- Bernama

AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 20 PRINTED SIZE: 306.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,851.00 ITEM ID: MY0039467628



21 APR, 2020

# FAMA bantu petani pasarkan hasil produk

Utusan Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) melihat harga ayam telur dan baranga keperluan ketika melawat Pasar Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Jalan Labu, Seremban semalam. Turut hadir Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang RazalLi (kanan) dan Pengarah FAMA Negeri Sembilan Asmizal Jaafar (kiri).

21 APR, 2020

# Kekang lambakan hasil pertanian

Sinar Harian, Malaysia



# Kekang lambakan hasil pertanian

## Kerajaan, FAMA bantu petani melalui rangkaian pemasaran berkesan

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Kerajaan berjaya mengekang lambakan hasil pertanian melalui rangkaian pemasaran yang berkesan dalam memasarkan produk berasaskan pertanian di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, pihaknya melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu 1,120 petani dengan nilai pembelian sebanyak RM6.85 juta.

Katanya, seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA terlibat dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada 0.6 juta pengguna yang turut menggunakan kaedah 38,091 perkhidmatan secara penghantaran.

"Isu lambakan hasil pertanian yang berlaku bagi keskes lalu hanya kes terpencil dan kita juga sudah mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu semua petani agar nasib pekebun kita terbela.

"Oleh sebab itu, kementerian melalui FAMA telah membuka sebanyak 45 outlet di seluruh negara termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) bagi membantu petani memasarkan produk mereka dengan lebih baik. Selain PST, sebanyak 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) turut beroperasi di seluruh negara dan berjaya menjana jualan sebanyak RM43 juta," katanya pada sidang media selepas melawat Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi FAMA Seremban, Jalan Labu dekat sini, semalam.



Ahmad (tengah) ketika melawat Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi FAMA Seremban, Jalan Labu semalam.

Tambahnya, seramai 490 usahawan terlibat dalam pengoperasian PST, yang menghasilkan nilai jualan sebanyak RM 22.9 juta sejak tempoh 1 hingga 19 April 2020.

Katanya, pengguna tidak perlu bimbang mengenai bekalan makanan sepanjang PKP berikutan pihaknya sudah memastikan bekalan makanan tidak terputus dengan penyediaan banyak outlet FAMA yang akan memasarkan hasil pertanian negara dengan lebih berkesan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai harga bekalan mentah yang dijual di pasaran FAMA, beliau memaklumkan, pihaknya berpuas hati dengan tawaran harga yang dikenakan peniaga malah terdapat harga yang lebih rendah berbanding pasaran luar.

21 APR, 2020

# Kekang lambakan hasil pertanian



Sinar Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Kerajaan, FAMA bantu petani melalui rangkaian pemasaran berkesan

Kerajaan berjaya mengekang lambakan hasil pertanian melalui rangkaian pemasaran yang berkesan dalam memasarkan produ berasaskan pertanian di negara ini.Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, pihaknya melalui Lembaga PemasaranSEREMBAN

Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu 1,120 petani dengan nilai pembelian sebanyak RM6.85 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | SINAR HARIAN | MEMERANGI WABAK COVID-19 | 15 |



Mazlan memanfaatkan tempoh PKP dengan mengusahakan tanaman harumanis di Kampung Alor Serdang, Alor Setar.

# Harumanis belakang rumah keluarkan hasil lebih 200 kilogram ketika PKP

**ALOR SETAR -** Tanaman harumanis yang diusahakan seorang guru Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Wahab, Mazlan Abu Bakar di sini mengeluarkan hasil lebih 200 kilogram sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mazlan, 51, berkata, beliau mula mengusahakan tanaman harumanis dengan menanam 60 batang pokok itu di atas tanah berkeluasan 0.2 hektar di belakang rumahnya sejak tiga tahun lalu.

Katanya, beliau terpanggil mencuba nasib menanam harumanis selepas melihat faktor cuaca dan tanah di Kedah hampir sama seperti Perlis meskipun sedia maklum tanaman itu banyak diusahakan di Perlis berbanding di Kedah.

"Alhamdulillah, - cubaan berkenaan membuahkan hasil apabila harumanis yang ditanam memiliki warna, bau wangi dan rasa manis hampir sama seperti harumanis Perlis.

"Secara kebetulannya, 30 batang pokok mangga harumanis yang ditanam telah mengeluarkan hasil lebih 200 kilogram ketika tempoh PKP ini," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Mazlan berkata, hasil harumanis Alor Serdang yang dijual RM25 sekilogram turut mendapat permintaan tinggi ketika tempoh PKP sehingga tempahan terpaksa ditutup disebabkan hampir kehabisan buah.

"Penghantaran buah harumanis kepada pelanggan yang tinggal di sekitar 10 hingga 15 kilometer dari rumah secara terus dan menggunakan perkhidmatan kurier untuk ke negeri lain tetap berjalan lancar meskipun semasa PKP," katanya.

Katanya, beliau turut memperoleh surat kebenaran daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk bergerak bagi membuat penghantaran secara terus.

Dalam perkembangan lain, katanya, beliau tetap menjalankan tanggungjawab hakikinya sebagai seorang guru dengan memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran bersama anak muridnya berjalan seperti hari persekolahan biasa selama dua jam biarpun sibuk menguruskan tanaman itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | HARIAN METRO | BISNES | 21 |

# Fama, Nekmat tawar produk di Shopee

**Kuala Lumpur:** Golongan petani dan nelayan di negara ini terus mendapat sokongan daripada penjualan atas talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dengan platform e-dagang terkemuka, Shopee.

Fama, Nekmat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Shopee bekerjasama secara eksklusif melancarkan kedai rasmi Fama (Agrobazaar_FAMA) dan Nekmat di Shopee bagi membolehkan hasil segar serta makanan laut dari petani dan nelayan dihantar terus kepada rakyat.

Langkah ini susulan kejayaan pelancaran segmen hasil segar di Shopee pada Februari lalu yang menyaksikan platform e-dagang itu menggunakan teknologi untuk penjualan dan pengedaran hasil segar secara atas talian.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Pemasaran Industri Berasaskan Agro Fama, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, di kedai Fama, pengguna dapat membeli pelbagai hasil pertanian seperti ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan.




*Melalui kerjasama ini kami percaya orang ramai boleh mendapatkan pelbagai ikan dan makanan laut segar"*

**Azrin Shah**

"Kerjasama Fama dan Shopee kaedah yang bagus membantu pengguna mendapatkan barangan mereka secara atas talian pada bila-bila masa dan kami menerima sambutan menggalakkan," katanya pada sidang media maya Raya Bersama Shopee di sini, semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar Nekmat, Azrin Shah Ismail berkata, pihaknya komited menawarkan makanan laut segar terus kepada pelanggan melalui platform Shopee.

"Sememangnya, pendapatan nelayan agak terjejas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksana. Oleh itu, melalui kerjasama ini kami percaya orang ramai boleh mendapatkan pelbagai ikan dan makanan laut segar," katanya.

Penghantaran kini dibuka untuk penduduk Lembah Klang di mana pembeli yang membuat pesanan mereka dari kedai-kedai ini sebelum pukul 12 tengah hari akan menerima produk mereka pada hari berikutnya (kecuali hujung minggu dan cuti umum).

Kecemerlangan operasi ini penting kerana isi rumah memerlukan barang-barang ini dihantar dengan cepat kepada mereka.

Shopee terus menyokong inisiatif ini dengan Pakej Bantuan Peniaga bernilai RM15 juta dilancarkan baru-baru ini untuk membantu PKS mengatasi cabaran perniagaan akibat Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | THE STAR | NATION | 10 |



# Highland vegetables in danger of going to waste again

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** Vegetables and other fresh produce from Cameron Highlands headed for the Selayang wholesale market are at risk of going to waste again following the imposition of the enhanced movement control order (MCO) in the area.

Cameron Highlands Malay Farmers Association president, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Abdul Rashid, said supplies that were sent out to the market could not be returned to the farms due to the lack of storage space.

"If the market is to be closed for two to three days, it will affect the farmers here. We have daily crops and cannot afford to have these become overripe," he said when contacted.

"Some cannot last for more than two days after being harvested without proper storage," he said, adding that about 30 to 40 lorries loaded with supplies were sent out from the highlands daily.

Syed Abdul Rahman said he would talk to the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), hoping to use their cold rooms in Brinchang to store the harvest temporarily.

"There are two cold rooms at the highlands, but these can only hold about one day's harvest of vegetables.

"Farmers from Sungai Terla, Lojing and Kampung Raja might find it hard to keep their supplies," he said.

"There's nothing much we can do. We just need to adhere to the MCO," he said.

The closure of the wholesale market, also known as the Kuala Lumpur wholesale market, has been extended to Friday.

The market was supposed to open yesterday after it was closed on Sunday and Monday for disinfection.

There have also been reports saying that the market would remain open, while wholesalers claim they have been barred from entering.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association secretary Chay Ee Mong said he believes that the Kuala Lumpur City Hall had barred people from entering the market because of the disinfection exercise.

"I think some rural and sub-urban areas will be affected as sellers collect the supplies from the market.

"The farmers here understand what's going on, but could not do much," he said, adding that other issues faced by the industry included the limited market operation times and delayed transportation of supplies due to roadblocks.

"Many wholesalers, including those at the highlands, are already starting to cut down their orders to minimise losses as businesses have been affected by the MCO," he said.

He also said that farmers, while still able to churn out produce normally for now, continued to be plagued by manpower issues.

"I hope there can be a better solution so that the people can have access to the vegetables," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | THE MALAYSIAN INSIGHT | ONLINE | |

## Fama helps 1,100 farmers to market to prevent dumping



Since March 18, Local farmers have sold RM6.85 million worth of their produce to Fama's network of controlled fresh markets and Agrobazaar Kedai Rakyat and Agrobazaar Rakyat outlets across the country.

THE Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) had aided 1,120 farmers to market their produce to prevent dumping since the movement control order (MCO) was enforced on March 18.

Deputy Agriculture and Food Industry Minister Ahmad Hamzah said the farmers have sold RM6.85 million worth of their produce to the network of controlled fresh markets and Agrobazaar Kedai Rakyat and Agrobazaar Rakyat outlets across the country.

AUTHOR: Remar Nordin SECTION: NEWS PAGE: 1,3 PRINTED SIZE: 687.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,641.00 ITEM ID: MY0039467381

21 APR, 2020

# Controlled Fresh Market outlets to remain open



The Star (Metro South and East), Malaysia





## Putting people first

The Controlled Fresh Market in Johor Baru, set up as a convenient option for the public to buy fresh produce, will stay open for as long as the movement control order is in place. >3



isentia

AUTHOR: Remar Nordin SECTION: NEWS PAGE: 1,3 PRINTED SIZE: 687.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,641.00 ITEM ID: MY0039467381

21 APR, 2020

Controlled Fresh Market outlets to remain open



The Star (Metro South and East), Malaysia



# Controlled Fresh Market outlets to remain open

## Exco: This is to ensure continued supply and distribution of food in Johor

Stories by REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The Controlled Fresh Market (PST) outlets will continue to operate as usual to ensure continued supply and distribution of food in Johor.

State agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the outlets were previously scheduled to operate till April 14.

"The outlets are operating daily from 8am to 2pm, except on Tuesday. However, these are only available at three locations from the planned six.

"The ones open are at Datin Halimah permanent farmers' market, Johor Baru Fama Operations Centre in Jalan Tampoi and Permas Jaya permanent farmers' market," said Samsolbari.

He added that the outlets have online services, with all orders and deliveries handled by Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) staff.

"The public can choose to purchase direct-from-farm food products throughout the MCO period at the PST outlets.

"We plan to open the other three outlets at Bukit Gambir in Muar, Endau in Mersing and the Mersing Community and Caravan Market as well," he said, adding that the programme was part of the government's effort to expand marketing channels for 1,410 Fama contract farmers in the state.

Samsolbari said the three outlets would be open after Fama has enough participants and demand from the public.

"Public response to the three outlets in Johor Baru is positive but we want to assess the situation before opening the other three," he said.

The PST outlets were announced by the Federal Government on March 31 in a move to enable the public buy daily necessities in a controlled environment.

The outlets offer fresh items such as vegetables, fruits, poultry, fish, meat and groceries.



Samsolbari (second from left) checking on fresh fruits sold at Datin Halimah permanent farmers' market. — Filepic

AUTHOR: Remar Nordin SECTION: NEWS PAGE: 1,3 PRINTED SIZE: 687.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,641.00 ITEM ID: MY0039467381

21 APR, 2020

# Controlled Fresh Market outlets to remain open




The Star (Metro South and East), Malaysia



## SUMMARIES

Putting people first The Controlled Fresh Market in Johor Baru, set up as a convenient option for the public to buy fresh produce will stay open for as long as the movement control order is in place. >3

JOHOR BARU: The Controlled Fresh Market (PST) outlets will continue to operate as usual to ensure continued supply and distribution of food in Johor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERITA WILAYAH TV1 | ONLINE | |

## (MCO FAMA COVID) A COMPREHENSIVE APPROACH WILL BE TAKEN



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERNAMA NEWS CHANNEL | ONLINE | |

## (FAMA MAFI) FAMA ASSISTS 1,120 FARMERS MARKET PRODUCE TO AVOID DUMPING



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERITA ALHIJRAH | ONLINE | |

**(FAMA MAFI) FAMA ASSISTS 1,120 FARMERS MARKET PRODUCE TO AVOID DUMPING**



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERNAMA TV | ONLINE | |

# (FAMA MAFI) FAMA ASSISTS 1,120 FARMERS MARKET PRODUCE TO AVOID DUMPING



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERITA NASIONAL TV1 | ONLINE | |

## (FAMA MCO MOA) FAMA IS COMMITTED TO HELPING FARMERS



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/4/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# Bekalan sayur-sayuran, buah-buahan mencukupi di Perak - Jabatan Pertanian



IPOH, 20 April -- Bekalan makanan di Perak, khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan, adalah mencukupi walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan COVID-19 dilaksanakan ketika ini, kata Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak Norsiyenti Othman hari ini.

Beliau mengambil contoh keseluruhan pengeluaran pertanian bagi tempoh 28 Mac hingga 30 April adalah sebanyak 35 tan metrik dan jumlah itu lebih daripada mencukupi.

Oleh itu, Norsiyenti berkata adalah tidak wajar untuk mana-mana pihak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga sayur-sayuran atau buah-buahan di pasaran tempatan dengan alasan kekurangan bekalan.

"Pengeluaran sayur seperti bendi, kacang panjang, timun, petola, terung, cili dan buahan-buahan untuk dua minggu ialah di antara 13 hingga 17 tan metrik, maka untuk sebulan terdapat 34 tan metrik atau lebih, bila pengeluaran cukup tidak patut harga naik malah ada yang rendah (daripada harga pasaran)," katanya di sini hari ini.

Norsiyenti berkata selain bekalan mencukupi bagi keperluan dalam negeri, pihaknya masih mengeksport sayur-sayuran dan buah-buahan seperti lada dan betik ke Kedah, Melaka serta Selangor dan meminta agar petani tidak berasa bimbang kerana Skim Agro Prihatin Negeri Perak akan membantu memasarkan produk mereka.

Selain itu, katanya beberapa hasil pertanian akan dijual oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA menerusi AgroBazar Online dalam beberapa pilihan atau combo serendah RM30 yang dihantar secara terus ke rumah pembeli dalam tempoh dua atau tiga hari selepas tarikh tempahan.

-- BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan bantu pasarkan lambakan hasil tani | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 22 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,000 |

# Kerajaan bantu pasarkan lambakan hasil tani

BETONG: Sasaran kerajaan yang berusaha membeli hasil petani dan pekebun menerusi Jabatan Pertanian merupakan inisiatif membantu pihak terbabit daripada mengalami kerugian dengan lambakan hasil yang tidak dapat dijual akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PK...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dept finds demand for seafood still strong despite MCO | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 22 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 12 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 269 cm² |
| Journalist | Mohamad Abdullah | AdValue | RM 3,668 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 11,005 |



# Dept finds demand for seafood still strong despite MCO

**Mohamad Abdullah**



Stalls at Kampung Kuala Bakam are seen with a good supply of different fish.

**MIRI:** The Marine Fisheries Department has found demand for seafood is still strong among consumers here despite the Movement Control Order (MCO).

Fisheries Region III Miri head Buniamin Kiprawi said there has been no issue with seafood sales.

"There is no problem with dumping unsold fish by fishermen here as customers are ready to buy them," he said on Monday.

Buniamin said a survey by the department at some of the local wet markets found nearly all the stalls were operating as usual.

He said these included stalls at Kampung Kuala Sibuti, Kampung Kuala Bakam, Kampung Piasau Utara, Kampung Batu Satu Lutong, and Miri fish market.

However, he admitted sales have declined compared to before the MCO but prices have remained similar.

Despite constraints faced by fishermen during the MCO, he said most of them are still going out to sea fishing to ensure sustained income for their families.

Meanwhile, he called on fishermen to practise high standards of hygiene and physical distancing.

He added the department would monitor markets from time to time to ensure fisherman are able to manage during this MCO period.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Limbah yang Tidak Sekadar Jadi Masalah | | |
| MediaTitle | Head Topics (headtopics.com/my) | | |
| Date | 22 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,000 |

# Limbah yang Tidak Sekadar Jadi Masalah

Program dari Kementan ini dimaksudkan untuk percepatan regenerasi petani melalui program Penumbuhan Wirausaha Muda Pertanian
Benak di kepala Vivi, begitu ia disapa, langsung berkecamuk melihat limbah jagung hasil dari pabrik pakan ternak yang tak termanf...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Let vehicles transport sea products at night call | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 22 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 5 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 199 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,110 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,329 |



# Let vehicles transport sea products at night call

**TAWAU:** The Tawau Fisheries Association has called on Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong to look into the difficulties and losses suffered by fishermen.

"We hope that vehicles transporting fish, prawns and seafood products, will be coordinated by the minister with the relevant authorities to enable these vehicles to move at night," said its chairman, Koh Teck Kiang.

Koh pointed out that since vehicles were only allowed to operate from 6am to 6pm, this poses a major setback to the industry.

He said complaints were received from some seafood exporters as currently, all flights in Tawau and Sandakan had been stopped. "Only the capital city of Kota Kinabalu has flights. Therefore, seafood products in Tawau, Sandakan, Kunak and Semporna for shipment to Kuala Lumpur or overseas, must be transported by road to Kota Kinabalu and then exported from Kota Kinabalu."

He said the industry complained that due to roadblocks and inspections in all districts, severe traffic congestion, and the 12 hours journey from Tawau to Kota Kinabalu, transporters had to rush day and night to Kota Kianabalu to catch flights.



Koh

"If the journey starts only at 6am, the plane had already flown when it arrived in Kota Kinabalu," he said.

He said not every manufacturer has a cold storage vehicle, and some small business owners use fish boxes to carry fish, which are not durable, and the sea food products would be damaged the next day.

He said that in the past, essential seafood was allowed to be transported at night, but recently, security forces manning the roadblocks did not allow vehicles carrying sea products at night, and many were ordered to turn back.

According to some employers, although they got a permit from the local district authority to travel at night, when they arrived in another district's checkpoints in some areas the vehicles were not allowed to pass through.

"Upon reaching Kunak, vehicles may not be able to get to Lahad Datu or may be stopped at Kinabatangan and Ranau. This situation also makes it difficult to turn back and cause losses."

He said the vehicles carrying seafood products have clear destinations - a driver and his assistant were also fully prepared for the prevention of the outbreak.

The movement restrictions between 6am and 6pm also affect the state's supply of seafood, he said as the districts have different fishing season. Tawau and Semporna may have abundant supply of fish and prawns for Kota Kinabalu and Sandakan if the two areas face shortages.

He said if local seafood cannot be transported to other districts or exported, it would harm fishermen's income and their livelihoods.

Powered by: isentia

| Headline | RM553 mln boost for Sabah aid package | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 22 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 300 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,673 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,018 |



# RM553 mln boost for Sabah aid package

**KOTA KINABALU:** The State Legislative Assembly has passed the First Supplementary Supply (2020) Bill 2020, approving an additional budget of RM553 million to help those affected by the Covid-19 pandemic in Sabah.

Speaker Datuk Seri Syed Abbas Syed Ali approved the Bill after it was tabled by Chief Minister Datuk Seri Shafie Apdal at the State Legislative Assembly sitting yesterday.

Shafie, who is also State Finance Minister, said that the additional RM553 million was needed to implement the Sabah Covid-19 Assistance Package.

On March 25, a total of RM670 million was allocated for the said package.

"The package comprises 15 measures that can be summarized into three main categories, namely assistance for the frontliners; assistance to ease the burden faced by the people, especially the lower-income communities; and for the early steps that the Government will take to stimulate and restore the state's economy," said Shafie when tabling the Bill.

Out of the additional allocation, a total of RM75 million will be channelled to the Chief Minister's Department (CMD) and out of that RM75 million, RM50 million will be set aside as an emergency Covid-19 fund.

"RM10 million will be used for food assistance and necessities for the frontliners while the remaining RM15 million will be used to fund food supply in the affected villages in the state," added Shafie.

Separately, he said RM50 million would be allocated to the State Ministry of Agriculture and Food Industry to help the state's farmers, fishermen and breeders who were affected by the movement control order (MCO).

"A total of 169,630 people from this group will each receive RM300 one-off payment," explained Shafie.

The Senallang assemblyman added that RM24 million would be channelled to the Sabah Social Welfare Department (JPKA) to grant RM 300 one-off payment each to 62,638 individuals comprising senior citizens, persons with disabilities and orphans.

Out of the RM24 million, Shafie said RM2 million would be allocated to the State Ministry of Health and People's Wellbeing.




Reports by Neil Brian Joseph, Jenne Lajiun and Fiqah Roslan

He disclosed that another RM62 million would be allocated to the State Rural Development Ministry to grant RM500 one-off payment each to 38,203 individuals from the poor and hardcore poor community.

On top of that, RM340 million will be allocated to the State Finance Ministry for the purposes of stimulating Sabah's economic sector by providing various assistance to the businesses in the state.

"From the aforementioned amount, RM90 million will be set aside for the small and medium enterprises (SMEs) in the state as well as the micro credit scheme, which is being managed by the Sabah Credit Corporation.

"The remaining RM200 million will be used to fund 1,000 small projects that aim to improve the quality, infrastructure coverage and basic facilities in the rural areas," Shafie elaborated.

The Bill was also debated by Tambunan assemblyman Datuk Dr Jeffrey Kitingan (Sabah Star), Kuamut assemblyman Datuk Masiung Banah (Warisan) and Kemabong assemblyman Jamawi Jaafar (Warisan).

Jeffrey requested an allocation of RM100,000 to all the assemblymen in the state for the purpose of providing assistance to all Sabahans who were affected by the Covid-19 pandemic.

Shafie disagreed with the suggestion, pointing out that there are already existing assistance packages to help Sabahans in need.

Jeffrey had also asked Shafie if Covid-19 tests could be done at his Keningau parliamentary constituency so that there would be no need for the test samples to be sent to the state capital.

In his reply, Shafie said that the matter would be looked into but lamented that the state currently does not have enough equipment to carry out Covid-19 tests outside of Kota Kinabalu.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Provide SMEs with post-Covid-19 aid - SCCC | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 22 Apr 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 253 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 705 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,116 |



# Provide SMEs with post-Covid-19 aid – SCCC

**KOTA KINABALU:** Sabah China Chamber of Commerce (SCCC) president Datuk Frankie Liew has urged the State Government to provide post-Covid-19 assistance to small and medium enterprises (SMEs) in Sabah.

He proposed the State Government to extend the 30 percent discount on electricity bills for three months to business premises, as well as extend the period to six months.

Additionally, he hoped that the government would consider increasing the 30 percent discount on Quit Rent and 20 percent reduction on assessment to 50 percent for the entire year.

Liew said the Movement Control Order (MCO) had been enforced for 31 days, meaning that businesses would hopefully be able to resume operation soon.

However, he said most quarters were not optimistic about the economic prospects after the Covid-19 pandemic had subsided.

He said the pandemic had not only severely hit the tourism, hotel, retail and services sector, but also halted or affected various economic activities.

He said the virus had sparked a domino chain reaction on all economic activities, especially the tourism sector that had been a major driver of the State economy in recent years.

"It has been speculated that the tourism industry and even the entire State economy would shrink in the second half of the year.

"Hotels, food and beverage (F&B) outlets, food processing, wholesale and retail, services sector, manufacturing, construction, shopping malls, e-hailing companies, Airbnb and other industries that had thrived due to the arrival of Chinese, Japanese, Korean, European and American tourists are all affected."

Liew said the Federal Government had rolled out three Economic Stimulus Packages while the State Government had introduced the Sabah Covid-19 Assistance Package, which included the provision of allocation for medical supplies, aid for the B40 and M40 groups, wage subsidy programme for SMEs and six-month moratorium on loan repayments to ease cash flow issue among businesses.

"But has the government considered whether the economy would rebound immediately after the pandemic? How long will it take for consumers to start spending again? And how could SMEs sustain amid the financial pressure after three-month wage subsidy and six-month moratorium on loan repayments have ended?"

In addition, he said the government had been ambiguous on the issue of salary payment during the second and third phases of the MCO.

He said the government ought to provide a guideline for both employers and employees on negotiating annual leave replacement or unpaid leave for the MCO period.

Liew added that the Covid-19 pandemic had severely hit the global economy, while fuel consumption had also decreased significantly.

He said oil prices had turned negative for the first time in history as oil producing countries ran out of storage capacity.

He believed that the low oil prices would last a considerable amount of time, which could benefit logistics, shipping and electric companies.

He said these sectors should revise their pricing accordingly as their operation costs had decreased.

Liew also said that many food wholesalers had complained that only registered vehicles of logistics companies were allowed to deliver goods during the MCO period, while company-owned vehicles were banned from travelling to other districts.

Upon contacting officials from the Ministry of Agriculture and Food Industry, it was learned that the measure was to reduce mobility between green zones (districts with no Covid-19 case) and red zones (more than 40 cases) to stem the spread of the virus.

As such, he called on businesses to obtain permit from the ministry to travel between districts.

On the other hand, Liew said the MCO had triggered many businesses to provide consumers with the option of online shopping, including delivery of food and seafood.

"On the bright side, this is an opportune time for e-commerce.

"I believe delivery services will become a necessity after the MCO."

He is confident that Sabah would eventually recover from the impact of Covid-19 as victory against the pandemic was in sight.

"What we should do now is to stay at home as a way to help the healthcare professionals who are battling the virus on the frontline."

Powered by: isentia